

Negara hancur jika salah pilih pemimpin

MELAKA. Isnin — Kepemimpinan Barisan Nasional (RN) perlu dikekalkan bagi membolehkan perjuangan membela rakyat dan membangunkan negara terus dilaksanakan demi kesejahteraan bersama, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat perlu bijak memilih pemimpin kerana sebarang kesilapan walaupun hanya sekali boleh membawa padah.

“Sebuah negara yang kaya raya boleh dihancurkan oleh seorang pemimpin saja. Oleh itu, rakyat harus bijak membuat keputusan apabila memilih seseorang pemimpin,” katanya.

Dr Mahathir berkata

demikian ketika berucap pada majlis makan anjuran Perhubungan Umno Negeri Melaka di kediaman Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, di sini, malam ini.

Beliau membcari contoh, pemimpin yang gilakan kuasa menghancurkan beberapa negara, contohnya Jerman disebabkan oleh Adolf Hitler. Rennito Mussolini di Itali dan Stalin di Russia.

Katanya, pada pilihan-rava 1990 ada segelintir gdlongan bukan Melayu yang mencuba membuat pilihan yang lain, tetapi kini menyesalinya.

“Proses pemilihan pemimpin bukan satu tugas main-main, ada sesetengah pemimpin yang ha-

nya kuasai satu negeri, tetapi bersifat bongkak dan cuba menekan orang lain.

“Jika sekali rakyat tersilap memilih pemimpin, cukup susah untuk menukarnya kerana dia boleh menggunakan kuasa untuk mengekalkan dirinya,” katanya.

Beliau yakin rakyat masih mahukan BN kekal memerintah negara ini kerana kerajaan yang ada sekarang sentiasa menunaikan janjinya.

Perdana Menteri berkata, pada masa ini Bank Dunia dan agensi antarabangsa mengakui bahawa Malaysia adalah contoh pentadbiran negara yang baik kerana berjaya meningkatkan tahap ekonomi dan taraf hidup rakyat.